

**PENGARUH KEMAHIRAN KEPIMPINAN  
KENDIRI DAN TINGKAH LAKU KERJA  
INOVATIF TERHADAP PENCAPAIAN  
SEKOLAH KLUSTER DI SARAWAK**



**WONG SIEW LANG**  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2016**

**PENGARUH KEMAHIRAN KEPIMPINAN  
KENDIRI DAN TINGKAH LAKU KERJA  
INOVATIF TERHADAP PENCAPAIAN  
SEKOLAH KLUSTER DI SARAWAK**

**WONG SIEW LANG**



**UMS**

**TESISINI DSERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2015**

## **PENGAKUAN**

Saya mengakui penyelidikan ini adalah hasil kerja dan usaha saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa penyelidikan ini tidak pernah dikemukakan terdahulu atau masa kini untuk penganugerahan mana-mana ijazah di Universiti Malaysia Sabah atau mana-mana institusi-institusi lain.

15 Februari 2016

---

Wong Siew Lang  
PT20068537



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **WONG SIEW LANG**

NO MATRIKS : **PT20068537**

TAJUK : **PENGARUH KEMAHIRAN KEPIMPINAN KENDIRI DAN  
TINGKAH LAKU KERJA INOVATIF TERHADAP  
PENCAPAIAN SEKOLAH KLUSTER DI SARAWAK**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

TARIKH VIVA : **03 OGOS 2015**



**1. PENYELIA**

Profesor Madya Dr Hamzah Md. Omar

**DISAHKAN OLEH**

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hamzah Md. Omar", is placed over a horizontal line.


## **PENGHARGAAN**

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnianya dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Walaupun proses "*Getting a PhD is like playing a game with a moving goal post*", tetapi ilmu dan kemahiran yang diperolehi jauh bernilai dan memberi kesan mendalam terhadap perkembangan intelektual, emosi dan spiritual pengkaji.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Profesor Dr Hamdan Said, Profesor Madya Dr Hamzah Md Omar dan para pensyarah Universiti Malaysia Sabah di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sepanjang tempoh penyiapan penyelidikan ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Pengarah, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, Encik Abdillah Bin Adam dan Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Putrajaya atas sokongan memberi surat kebenaran menjalankan kajian saya. Selain itu, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pengetua dan semua guru yang terlibat. Terima kasih atas sokongan yang diberi dan kesudian menjadi responden kajian ini.

Sekalung penghargaan ditujukan khas kepada ibu yang sentiasa mendoakan, saudara mara dan sahabat-sahabat yang sentiasa berdoa, memberi dorongan dan motivasi sepanjang perjalanan ini sehingga saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Akhir sekali, penghargaan turut ditujukan kepada orang perseorangan dan pihak tertentu yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan tesis ini. Terima kasih.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
SABAH

Wong Siew Lang  
15 Februari 2016

## **ABSTRAK**


Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh Kemahiran Kepimpinan Kendiri dan Tingkah Laku Kerja Inovatif terhadap Pencapaian Sekolah Kluster di Sarawak. Kajian kuantitatif ini menunjukkan kaedah tinjauan guru sekolah kluster seramai 238 orang guru daripada empat buah sekolah kluster yang dipilih secara rawak menggunakan *Quickscale*. Empat set instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumbalas responden terhadap konstruk yang dikaji: Soal Selidik Kemahiran Kepimpinan Kendiri, Soal Selidik Tingkah Laku Kerja Inovatif, Soal Selidik Pencapaian Sekolah Kluster dan Soal Selidik Efikasi Kendiri Guru. Analisis pengesahan faktor digunakan untuk mendapat indeks padanan model hipotesis dengan data kajian. Modifikasi model dilakukan untuk mendapatkan nilai indeks padanan yang baik (*good fit*) dalam menentusahkan model pengukuran semua konstruk kajian. Semua model pengukuran digabungkan untuk membentuk Model Persamaan Struktural. Nilai petunjuk padanan model akhir ialah  $\chi^2 = 105.948$ ,  $df=41$ ,  $p=.000$ ,  $CMIN/df=2.584$ ,  $GFI=.928$ ,  $CFI=.964$  dan  $RMSEA=.004$  menunjukkan padanan yang baik model modifikasi dengan data kajian. Dapatkan kajian menunjukkan Kemahiran Kepimpinan Kendiri mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan Pencapaian Sekolah Kluster di Sarawak (0.59). Selain itu, Kemahiran Kepimpinan Kendiri juga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan Tingkah Laku Kerja Inovatif (0.49). Seterusnya, konstruk Tingkah Laku Kerja Inovatif mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Pencapaian Sekolah Kluster (0.60). Efikasi Kendiri Guru merupakan pengantara separa bagi hubungan antara Kemahiran Kepimpinan Kendiri dengan Pencapaian Sekolah Kluster di Sarawak. Berdasarkan dapatan kajian, tujuh cadangan kajian lanjutan dikemukakan.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### **THE INFLUENCE of SELF-LEADERSHIP SKILL AND INNOVATIVE WORK BEHAVIOR TOWARDS THE ACHIEVEMENT of CLUSTER SCHOOLS IN SARAWAK**

*The purpose of this study was to examine the influence of Self-leadership Skill (SL) and Innovative Work Behavior (IWB) towards Achievement of Cluster Schools in Sarawak (Pe). Research design used was survey. A total of 238 teachers from four cluster schools in Sarawak were selected to participate in this study. Respondents were randomly chosen by using Quickscale. Data for this quantitative study were collected using Self-leadership Skill Survey, Innovative Work Behavior Survey, Achievement of Cluster School Survey and Teachers' Self-Efficacy Survey. The Model Fit Summary of Structural Equation Modeling showed that the goodness-of-fit in this study is fulfilled with  $\chi^2=105.948$ ,  $df=41$ ,  $p=.000$ ,  $CMIN/df= 2.584$ ,  $GFI=.928$ ,  $CFI=.964$ ,  $RMSEA=.004$ . The results of this study indicated that Self-leadership Skill have positive and significant relationship with the Achievement of Cluster Schools in Sarawak (0.59). In addition, Self-leadership Skill also show positive and significant relationship with Innovative Work Behavior (0.49). Apart from that, Innovative Work Behavior also showed a positive and significant relationship with Achievement of Cluster School (0.60). Teachers' Self-Efficacy was proved to be a partial mediator among the relationship between Self-leadership Skill and Achievement of Cluster School in Sarawak. Based on the finding, seven suggestions for further research were suggested.*



UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix
 <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
a. Sekolah Kluster di Malaysia	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Soalan-soalan Kajian	11
1.5 Objektif kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.8 Definisi Operasi	13
1.8.1 Kemahiran Kepimpinan Kendiri	14
1.8.2 Pencapaian Sekolah Kluster	14
1.8.3 Tingkah Laku Kerja Inovatif	14
1.8.4 Efikasi Kendiri Guru	14
1.9 Kepentingan Kajian	14
1.10 Batasan Kajian	15
1.11 Kesimpulan	16

<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Sekolah Kluster	18
2.2.1 Model Sekolah Kluster di Malaysia	18
2.2.2 Tujuan dan Fungsi Penubuhan Sekolah Kluster	19
2.2.3 Pemilihan Pemimpin dan Guru Sekolah Kluster	19
2.2.4 Konsep, Falsafah dan Autonomi Sekolah KLuster	20
2.3 Definisi Kepimpinan	22
2.3.1 Kemahiran Kepimpinan Kendiri	23
2.3.2 Definisi Kepimpinan Kendiri	23
2.4 Sejaran Kepimpinan Kendiri	25
2.4.1 Latar Belakang Kepimpinan Kendiri	26
2.4.2 Perubahan dari Kepimpinan Tradisi ke Kepimpinan Kendiri	28
2.4.3 Asas Teoritikal Kepimpinan Kendiri	29
2.4.4 Strategi-strategi Kepimpinan Kendiri	34
a. Strategi Berfokus Tingkah Laku	35
b. Strategi Ganjaran Semula Jadi	36
c. Strategi Corak Pemikiran Konsruktif	36
2.4.5 Proses Pembentukan Kepimpinan Kendiri	37
2.4.6 Model Kepimpinan Kendiri	39
2.4.7 Sejarah Pengukuran Kepimpinan Kendiri	42
2.4.8 Latihan Kepimpinan Kendiri	44
2.5 Tingkah Laku Kerja Inovatif Guru	46
2.5.1 Definisi Tingkah Laku Kerja Inovaif	47
2.5.2 Dimensi Tingkah Laku Kerja Inovatif	48
a. Penerokaan Peluang	49
b. Penjanaan Idea	50
c. Mempromosikan Idea	50
d. Pelaksanaan Idea	51
2.5.3 Penentu Tingkah Laku Kerja Inovatif	51
a. Tahap Guru Sekolah Kluster	52
b. Tahap Kumpulan Guru Sekolah Kluster	52

	c. Tahap Sekolah Kluster	53
2.5.4	Teori Inovasi Difusi	54
2.5.5	Elemen-elemen Teori Inovasi Difusi	55
	a. Inovasi	56
	b. Saluran Komunikasi	56
	c. Jangka Waktu	56
	d. Sistem Sosial	57
2.5.6	Faktor - faktor Penerimaan Inovasi	57
2.5.7	Lima Langkah Penyesuaian Inovasi	59
2.5.8	Proses Membuat Keputusan dalam Inovasi	61
	a. Peringkat Pengetahuan Inovasi	62
	b. Peringkat Kepercayaan Inovasi	64
	c. Peringkat Membuat Keputusan terhadap Inovasi	64
	d. Peringkat Pelaksanaan Inovasi	65
	e. Peringkat Pengesahan Inovasi	65
2.5.9	Penamatan Inovasi	67
2.5.10	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan dengan Inovasi	67
2.6	Efikasi Kendiri	69
2.6.1	Definisi Efikasi Kendiri	69
2.6.2	Definisi Efikasi Kendiri Guru	70
2.6.3	Sejarah Efikasi Kendiri	71
2.6.4	Konsep Efikasi Kendiri	72
2.6.5	Pembentukan Efikasi Kendiri Guru	74
	a. Pemujukan Lisan	76
	b. Pengalaman Vikarius	76
	c. Penguasaan Pengalaman	76
	d. Kebangkitan Emosi dan Fisiologi	77
2.6.6	Perkembangan Teori Efikasi Kendiri	79
	a. Kajian Awal Tentang Efikasi Kendiri: Rotter dan RAND	79
	b. Lembaran Konseptual Kedua Efikasi Kendiri: Kajian Bandura	83
2.6.7	Ciri-ciri Guru yang mempunyai Efikasi Kendiri Tinggi	90

2.6.8	Kajian Lepas Efikasi Kendiri	91
2.7	Pencapaian Sekolah Kluster	95
2.8	Kajian-kajian Lepas Konstruk-konstruk kajian	96
2.8.1	Pengantara (EKG) terhadap hubungan antara Kemahiran Kepimpinan dengan Pencapaian (SL-EKG-Pe)	96
2.8.2	Pengaruh Kemahiran Kepimpinan Kendiri dengan Pencapaian	99
2.8.3	Hubungan antara Kemahiran Kepimpinan Kendiri dengan Tingkah Laku Kerja Inovatif	99
2.8.4	Pengaruh Tingkah Laku Kerja Inovatif dengan Pencapaian	102
2.8.5	Kajian Lepas berkaitan Hubungan antara Tingkah Laku Kerja Inovatif dengan Pencapaian Sekolah Kluster	102
2.8	Kesimpulan	103
<b>BAB 3: METODOLOGI</b>		104
3.1	Pengenalan	104
3.2	Reka Bentuk Kajian	104
3.3	Populasi	105
3.4	Sampel Kajian	106
3.4.1	Kaedah Persampling Secara Rawak	106
3.5	Instrumen Kajian	107
3.5.1	Profil Responden	109
3.5.2	Soal Selidik Kemahiran Kepimpinan Kendiri (SSSL)	109
3.5.3	Soal Selidik Pencapaian Sekolah Kluster (SSPe)	110
3.5.4	Soal Selidik Tingkah Laku Kerja Inovatif Guru (SSIWB)	110
3.5.5	Soal Selidik Efikasi Kendiri Guru (SSEKG)	111
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	112
3.6.1	Kesahan Soal Selidik	113
a.	Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan	113
b.	Kesahan Hubungan-Kriteria	114
c.	Kesahan Konstruk	115
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen	117
3.7	Kajian Rintis	117

3.8	Pengumpulan Data	119
3.8.1	Prosedur Pengumpulan Data	119
3.8.2	Teknik Pengumpulan Data	119
3.9	Penganalisisan Data	120
3.9.1	Analisis Data Deskriptif	120
3.9.2	Analisis data dengan menggunakan Model Persamaan Struktur (SEM)	120
3.9.3	Darjah Kebagusan Penyesuaian Model ( <i>Goodness-of-fit</i> , GOF)	123
3.9.4	Faktor Analisis Pengesahan ( <i>Confirmatory Factor Analysis</i> , CFA)	124
3.9.5	Model Pengukuran CFA Keseluruhan	129
3.9.6	Model Persamaan Struktur (SEM)-Peringkat 2	130
3.10	Analisis Pengantaraan Kajian	133
3.10.1	Proses Pengantaraan	133
3.10.2	Pengantaraan Kajian dalam SEM	134
a.	Pengantaraan Peringkat 1, 2 dan 3	135
b.	Peringkat 4	136
3.11	Kesimpulan	137
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>		138
4.1	Pendahuluan	138
4.2	Analisis Data Deskriptif	138
4.3	Penapisan Data	140
4.3.1	Data tidak Lengkap ( <i>Missing Data</i> )	140
4.3.2	Pengujian Unsur Luaran yang tidak Berkaitan ( <i>Test of Outliers</i> )	140
4.3.3	Penyemakan Percanggahan ( <i>Violation</i> ) Andaian-andaian SEM	141
a.	Kenormalan Data	141
b.	Linearliti Data	142
c.	Ketidakhadiran Ralat-ralat Korelasi	143
4.4	Keputusan Model Pengukuran	143
4.4.1	Sub-hipotesis Kajian	143
4.4.2	Model CFA bagi Konstruk Latent	144

a.	Keputusan CFA bagi Kemahiran Kepimpinan Kendiri (SL)	144
b.	Keputusan CFA bagi Konstruk Pencapaian Sekolah Kluster (Pe)	145
c.	Keputusan CFA bagi Konstruk Tingkah Laku Inovatif (IWB)	146
d.	Keputusan CFA bagi Pengantara Kajian (EKG)	147
4.4.3	Pengujian Sub-hipotesis	149
a.	Sub-hipotesis 4a-4c : Konstruk Kemahiran Kepimpinan Kendiri	149
b.	Sub-hipotesis 5a-5e: Konstruk Pencapaian Sekolah Kluster	150
c.	Sub-hipotesis 6a-6d: Konstruk Tingkah Laku Kerja Inovatif	151
d.	Sub-hipotesis 7a-7c: Konstruk Efikasi Kendiri Guru	152
4.4.4	Keputusan Kesahan Model Pengukuran Keseluruhan	155
4.4.5	Keputusan Model Struktur Persamaan	159
4.4.6	Perbandingan CFA Model Kebagusan dengan Model Kebagusan SEM	160
4.4.7	Analisis <i>Post Hoc</i>	162
4.4.8	Pengujian Hipotesis Indikator-indikator Kajian	166
4.5	Keputusan Pengantara Kajian	168
4.5.1	Keputusan Syarat Pertama Proses Pengantaraan	168
4.5.2	Tahap Pengantaraan Kajian (pengantaraan penuh atau separa)	171
a.	Model Struktur asas	171
b.	Keputusan dari Model Alternatif ( <i>The Nested Model</i> )	172
4.5.3	Pengujian Hipotesis dalam SEM	175
4.6	Rumusan Keputusan Hipotesis-hipotesis Kajian Selepas Analisis <i>Post Hoc</i>	176
4.7	Rumusan Keputusan Analisis Secara Kuantitatif dari SEM	177
4.8	Kesimpulan	177
<b>BAB 5: PERBINCANGAN</b>		178
5.1	Pendahuluan	178
5.2	Perbincangan (Perbincangan tentang faktor lain yang mungkin)	178

mempengaruhi hubungan dalam kajian)	
5.2.1    Faktor Pemimpin Sekolah Kluster	178
5.2.2    Faktor Pemilihan Guru Sekolah	180
5.2.3    Perbincangan tentang <i>Cross Validation</i> Data kajian	181
5.2.4    Perbincangan tentang Keputusan Kajian	181
5.3    Kesimpulan	181
<b>BAB 6: CADANGAN</b>	183
6.1    Pengenalan	183
6.2    Cadangan Untuk Kajian Lanjut	183
<b>RUJUKAN</b>	186
<b>LAMPIRAN</b>	216



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI JADUAL**

Halaman

Jadual 1.1:	Bilangan Sekolah Rendah dan Menengah di Negeri Sarawak	3
Jadual 2.1:	Pengukuran Tingkah Laku Kerja Inovatif-Kajian Literatur	51
Jadual 2.2:	Pengukuran bagi Konstruk Efikasi Kendiri Guru	82
Jadual 2.3:	Rumusan Instrumen Efikasi Kendiri Guru Era Bandara	88
Jadual 3.1:	Bilangan Guru Sekolah Kluster Kajian	105
Jadual 3.2:	Item Setiap Indikator dalam Kemahiran kepimpinan Kendiri	110
Jadual 3.3:	Item bagi Setiap Indikator dalam Pencapaian Sekolah Kluster (SKPM 2013)	110
Jadual 3.4:	Item dalam Soal Selidik Tingkah Laku Kerja Inovatif Guru	111
Jadual 3.5:	Item Soal Selidik Efikasi Kendiri Guru	111
Jadual 3.6:	Pekali Alfa bagi Semua Konstruk Kajian	119
Jadual 3.7:	Kriteria-kriteria <i>Goodness-of-fit (GOF)</i>	124
Jadual 4.1:	Profil Responden Kajian	139
Jadual 4.2:	Ujian Normaliti	142
Jadual 4.3:	Keputusan CFA Model Pengukuran	149
Jadual 4.4:	Rumusan Sub-hipotesis Indikator dalam Semua Konstruk Latent Kajian	153
Jadual 4.5:	Indikator-indikator Pengukuran yang Dikekalkan untuk Kajian Selanjutnya	155
Jadual 4.6:	Perbandingan Faktor Muatan antara Model CFA dan Model Struktur Persamaan Kajian	161
Jadual 4.7:	Rumusan Pengujian Hipotesis Utama Dalam SEM	168
Jadual 4.8:	Rumusan Indeks Model Struktural (SEM)-Perbandingan	174
Jadual 4.9:	Hipotesis-hipotesis Kajian	176

## **SENARAI RAJAH**

Halaman

Rajah 1.1:	Kerangka Konseptual Kajian	13
Rajah 2.1:	Model Sekolah Kluster di Malaysia	19
Rajah 2.2:	Rangka Kerja Konsep Sekolah Kluster di Malaysia	22
Rajah 2.3:	Kontinum Pengaruh Kendiri	31
Rajah 2.4:	Tiga Strategi Kemahiran Kepimpinan Kendiri	35
Rajah 2.5:	Proses Pembentukan Kepimpinan	39
Rajah 2.6:	Model Kepimpinan Kendiri	41
Rajah 2.7:	Faktor Mempengaruhi Penerimaan Inovasi	59
Rajah 2.8:	Lima Langkah Penyesuaian Inovasi	60
Rajah 2.9:	Model Proses Membuat Keputusan Inovasi	62
Rajah 2.10:	Sumber Kepercayaan Efikasi Kendiri	75
Rajah 2.11:	Konsep Triad Bersalingan ( <i>Triadic Reciprocity</i> )	78
Rajah 2.12:	Model Efikasi Kendiri Guru	92
Rajah 3.1:	Persampelan Kebarangkalian Secara Rawak mudah	106
Rajah 3.2:	Model Pengukuran CFA	116
Rajah 3.3:	CFA dalam Pengukuran Konstruk Kajian	127
Rajah 3.4:	Model Pengukuran Keseluruhan CFA Kajian ( <i>Overall CFA Model</i> )	130
Rajah 3.5:	Model Persamaan Struktur (SEM)	131
Rajah 3.6:	Rajah Lintasan Pengantaraan (Peringkat 1 &2 )	136
Rajah 4.1:	Rajah Lintasan CFA Konstruk Kemahiran Self-leadership (SL)	144
Rajah 4.2:	Rajah Lintasan CFA bagi Konstruk Pencapaian Sekolah Kluster (Pe)	145
Rajah 4.3:	Rajah Lintasan CFA bagi Konstruk Tingkah Laku Kerja Inovatif	146
Rajah 4.4:	Rajah Lintasan CFA bagi Konstruk Efikasi Kendiri Guru (EKG)	147
Rajah 4.5:	Model Pengukuran CFA Keseluruhan (Peringkat Awal)	156
Rajah 4.6:	Model Pengukuran CFA Keseluruhan	157
Rajah 4.7:	CFA Model Pengukuran Keseluruhan ( Fasa 1)	158

Rajah 4.8:	Rajah Lintasan SEM	159
Rajah 4.9:	Rajah Lintasan sebelum Analisis <i>Post Hoc</i>	162
Rajah 4.10:	Rajah Lintasan Analisis <i>Post Hoc</i> (Peringkat Awal)	163
Rajah 4.11:	Rajah Lintasan SEM (Sebelum Proses Analisis <i>Post Hoc</i> )	165
Rajah 4.12:	Rajah Lintasan SEM (Proses Analisis <i>Post Hoc</i> )	167
Rajah 4.13:	Rajah Lintasan SEM Peringkat Akhir ( Selepas Analisis <i>Post Hoc</i> )	169
Rajah 4.14	Rajah Lintasan pengantaraan Efikasi Kendiri (EKG)	170
Rajah 4.15	Model Struktur Asas	171
Rajah 4.16	Model Alternatif ( <i>The Nested Model</i> )	173



## KATA SINGKATAN

<b>AGFI</b>	- <i>Adjusted Goodness of Fit Indexes</i>
<b>AMOS</b>	- <i>Analysis of Moment Structures</i>
<b>ANOVA</b>	- <i>Analysis of Variance</i>
<b>CFA</b>	- <i>Confirmatory Factor Analysis</i> (Analisis Faktor Pengesahan)
<b>CFI</b>	- <i>Comparative Fit Index</i>
<b>DF</b>	- Degree of Freedom (Darjah Kebebasan)
<b>DV</b>	- Pemboleh ubah bersandar
<b>EKG</b>	- Efikasi Kendiri Guru
<b>GFI</b>	- <i>Goodness -Of -Fit Index</i>
<b>GOF</b>	- <i>Goodness-of-fit</i> (Nilai Kebagausan)
<b>GTE</b>	- <i>General Teacher Efficacy</i>
<b>ICT</b>	- <i>Information and Communication Technology</i>
<b>IFM</b>	- <i>Incremental Fit Measures</i>
<b>IV</b>	- Pemboleh Ubah Tak Bersandar
<b>IWB</b>	- Tingkah Laku Kerja Inovatif
<b>JERIS</b>	- Jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah
<b>KPI</b>	- Indeks Prestasi Utama
<b>KPM</b>	- Kementerian Pelajaran Malaysia
<b>MLE</b>	- <i>Maximum Likelihood Estimation</i>
<b>NGO</b>	- <i>Non Government Body</i>
<b>PIPP</b>	- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
<b>PISA</b>	- <i>Programme for International Student Assessment</i>
<b>PTE</b>	- <i>Personal Teaching Efficacy</i>
<b>RMKe-8</b>	- Rancangan Malaysia Ke-Lapan
<b>RMKe-9</b>	- Rancangan Malaysia Ke-Sembilan
<b>RMKe-10</b>	- Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh
<b>RMSEA</b>	- <i>Root Mean Square Error of Approximation</i> (Ralat Anggaran Punca Kuasa Dua Min)
<b>PMSR</b>	- <i>Root Mean Square Residual</i>
<b>RSLQ</b>	- <i>Revised Self-leadership Questionnaire</i>


<b>SEM</b>	- <i>Structural Equation Modeling</i>
<b>SBP</b>	- Sekolah Berasrama Penuh
<b>SBT</b>	- Sekolah Berprestasi Tinggi
<b>SBTL</b>	- Strategi Berfokus Tingkah Laku
<b>SCPK</b>	- Strategi Corak Pemikiran Konstruktif
<b>SGS</b>	- Strategi Ganjaran Semula Jadi
<b>SKPM</b>	- Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
<b>SL</b>	- Kemahiran Kepimpinan Kendiri
<b>SPSS</b>	- <i>Statistical Package For Social Sciences</i>
<b>SSEKG</b>	- Soal Selidik Efikasi Kendiri Guru
<b>SSPKS</b>	- Soal Selidik Pencapaian Sekolah Kluster
<b>SSTKIG</b>	- Soal Selidik Tingkah Laku Kerja Inovatif Guru
<b>TIMSS</b>	- <i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
<b>Pe</b>	- Pencapaian Sekolah Kluster
<b>UMS</b>	- Universiti Malaysia Sabah
<b>UTM</b>	- Universiti Teknologi Malaysia
<b>YB</b>	- Yang Berhormat



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A: Borang Soal Selidik	216
Lampiran B: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Putrajaya	230
Lampiran C: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak	231
Lampiran D: Surat Pengesahan Status Pelajar Pascasiswazah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah Sedang Menjalankan Penyelidikan	233
Lampiran E Komputer <i>Graph Pad (QuickCalcs)</i>	234



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Tesis ini mengkaji pengaruh Kemahiran Kepimpinan Kendiri (SL) dan Tingkah Laku Kerja Inovatif terhadap Pencapaian Sekolah Kluster di Sarawak. Kemahiran Kepimpinan Kendiri merupakan proses pengaruh kendiri yang mana individu cuba menggunakan kognisi dan tindakan demi mencapai matlamat (Manz dan Sims, 1996; Manz dan Neck, 2004). Kemahiran Kepimpinan Kendiri adalah berkaitan dengan cara meningkatkan pencapaian organisasi melalui pemikiran dan tindakan individu (DiLiello dan Houghton, 2006). Kemahiran Kepimpinan Kendiri merupakan penyumbang utama kepada peningkatan pencapaian (Steward, Courtright dan Manz, 2011). Kajian lepas menunjukkan pekerja yang mengamalkan Kemahiran Kepimpinan Kendiri menjadi lebih yakin dan boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi (Stajkovic dan Luthans, 1998) serta lebih menikmati kejayaan dalam kerjayanya (Murphy dan Ensher, 2001; Raabe, Frese dan Beehr, 2007).



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kajian lepas membuktikan tingkah laku kerja inovatif merupakan penyumbang utama kepada peningkatan prestasi (Bjornali dan Storen, 2012; Chan dan Amran, 2014; Nik Azida, Tengku Ahmad Badrul dan Kamaruzaman, 2009; Messmann dan Mulder, 2012). Dalam konteks pendidikan, kajian terhadap aktiviti yang menjurus kepada tingkah laku inovatif dan penyertaan guru dalam proses dan pembangunan inovasi masih kurang (Messmann dan Mulder, 2012). Guru menghadapi kekangan untuk meletakkan tingkah laku inovatif sebagai pencetus kreativiti dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Nemerzitski, Loogma, Heinla, dan Eisenschmidt (2013) menyatakan bahawa faktor yang menjadi penghalang kepada guru mempamerkan tingkah laku kerja inovatif ialah persepsi terhadap keyakinan mereka cenderung untuk tidak inovatif.

Bab ini bermula dengan menggariskan latar belakang kajian diikuti dengan pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian serta hipótesis kajian. Selain itu, bab ini juga mengemukakan kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual kajian dan kerangka teori kajian serta definisi operasional kajian. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara yang maju berdasarkan industri dengan acuan yang tersendiri pada tahun 2020. Pada lima dekad yang lalu, terdapat banyak perubahan dalam polisi pendidikan (MoEM, 2009: ms 50). Contohnya, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) pada tahun 2006-2010 serta Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (MoEM, 2009: ms 50) telah dirangka untuk mengupayakan pelaksanaan berkesan inisiatif yang mendokong usaha transformasi sistem pendidikan kebangsaan secara menyeluruh.

### **a. Sekolah Kluster di Malaysia**

Penubuhan sekolah kluster sejajar dengan teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dalam usaha melonjakkan institusi-institusi pendidikan. Penubuhan sekolah kluster telah dilancarkan pada 16 Januari 2006. Kewujudan sekolah ini memberikan pendekatan untuk mengembangkan potensi sekolah dalam kluster kecemerlangan institusi pendidikan. Penubuhan sekolah kluster merupakan inovasi sistem pendidikan dengan memfokuskan bidang kebitaraan dalam akademik, kurikulum dan sukan supaya sekolah kluster dapat menjadi model penandaarasan (<http://www.freemalaysiatoday.com.>, 2013).

Sekolah Kluster telah diiktiraf sebagai strategi utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi meningkatkan pencapaian murid. Penubuhan sekolah kluster bertujuan untuk melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem Pendidikan Malaysia. Tujuan kedua adalah untuk membangunkan sekolah yang boleh dijadikan teladan dalam kelompok yang sama dan juga di luar kelompok. Tujuan ketiga ialah harapan supaya sekolah kluster akan menjadi penanda aras pada peringkat antarabangsa (Hussein Ahmad, 2008).

Pengenalan sekolah kluster di Malaysia berdasarkan komitmen KPM untuk memberikan perhatian khusus terhadap sekolah yang telah mencapai tahap cemerlang. KPM memastikan sekolah ini bukan sahaja dapat mempertahankan kecemerlangan malah mampu mempertingkatkan tahap kecemerlangan tersebut kepada tahap yang lebih tinggi lagi. Sehubungan dengan itu, KPM sentiasa mengenalpasti sekolah-sekolah yang layak diiktiraf sebagai sekolah kluster.

Data statistik dalam aplikasi EMIS online menunjukkan bilangan sekolah (sekolah menengah dan sekolah rendah) setiap negeri di Malaysia. Dalam kajian ini, tumpuan diberi kepada bilangan sekolah menengah di negeri Sarawak. Bilangan sekolah menengah sehingga sehingga 31 Oktober 2014 adalah seperti dalam Jadual 1.1 berikut:-

**Jadual 1.1: Bilangan Sekolah Menengah di Negeri Sarawak**

Bilangan sekolah di Sarawak	
Sekolah menengah	Jumlah sekolah
187	1452

Sumber: Aplikasi EMIS Online, KPM

Data menunjukkan bahawa hanya terdapat empat buah (0.02 peratus) sekolah menengah di Sarawak yang berjaya memperoleh anugerah sekolah kluster setakat ini. Manakala bagi sekolah rendah pula, hanya terdapat 5 buah (0.39%) sekolah kluster di Sarawak mendapat anugerah yang sama. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang dan peluang untuk mentransformasikan sekolah menengah biasa kepada tahap yang lebih tinggi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa proses mentransformasikan dan melestarikan sekolah kepada tahap sekolah kluster bukan perkara yang mudah. Malah usaha ini memerlukan penglibatan seluruh warga sekolah. Selain itu, bukan mudah apabila pengetua sebagai pemimpin memperkenalkan perubahan dalam sekolah (Hussein Ahmad, 2008).

Proses pengiktirafan sekolah kluster dijalankan dari semasa ke semasa (<http://emoe.gov.my>, 2007). Sehingga tahun 2015, pengiktirafan sekolah kluster telah sampai ke Fasa 9. Jumlah sekolah kluster di seluruh negara ialah 467 buah; terdiri daripada pelbagai jenis sekolah. Setiap sekolah diberi peruntukan khas sebanyak RM500 000 berserta dengan kuasa autonomi dalam membangunkan dan memperkembangkan bidang kebitaraan masing-masing (<http://emoe.gov.my>, 2007 ). Dengan terlaksananya sekolah kluster dalam sistem pendidikan negara, maka semua pihak berkepentingan menaruh harapan bahawa pencapaian murid dapat dipertingkatkan kepada tahap yang membanggakan (PIPP, 2006; <http://moe.gov.my>, 2007). Oleh itu, menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Cabaran utama KPM ialah usaha melahirkan kepimpinan berkesan di sekolah-sekolah kluster. Pengetua haruslah bertindak mengikut tuntutan semasa. Hussein Ahmad (2008) menyatakan bahawa pengetua di sekolah perlu mempunyai sifat kepimpinan terunggul terutamanya dari segi kapasiti profesional dalam menangani dan menyelesaikan masalah, berintegriti tinggi, berwibawa dan berpengetahuan. Ciri-ciri tersebut diperlukan untuk mengurus organisasi pendidikan secara berkesan serta berkebolehan memimpin dalam membangunkan sumber manusia ke arah peningkatan berterusan dan reformasi sekolah secara berkesan. Salah satu strategi dalam proses desentralisasi adalah dengan berdasarkan Model Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS).

Dalam konteks sekolah kluster, guru sekolah dituntut mengamalkan Kepimpinan Kendiri (Ahmad Mappaenre, 2014; Hussein Ahmad, 2008) supaya sekolah berkenaan dapat menyerahkan bentuk perwatakan institusi berdasarkan kebitaraan. Kepimpinan dan pengurusan yang lemah dan rendah kualitinya tidak akan melahirkan pelajar/sekolah yang cemerlang. Sebaliknya sekolah tersebut harus dipimpin oleh pengetua *Superleaders*. Ini ialah cabaran yang perlu dihadapi oleh pengetua sekolah kluster (Hussein Ahmad, 2008).